

Najib tegur usahawan Melayu suka melobi

um- 8/4/2007

KUANTAN 7 April - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menegur segelintir usahawan Melayu yang hanya bijak melobi untuk mendapatkan peluang perniagaan tetapi tidak pula bijak menjana kekayaan.

Malah, beliau turut menyifatkan usahawan Melayu di negara ini bukan merupakan pengusaha tulen yang mana mereka tidak bijak menggunakan keuntungan pelaburan untuk mengembangkan perniagaan yang sedia ada.

"Orang kita memang hebat melobi sana, melobi di sini tetapi mereka tidak pula bijak untuk menjana kekayaan.

"Sebagai seorang usahawan, mereka perlu memiliki matlamat yang jelas dan spesifik untuk berjaya tanpa melencong atau menyimpang untuk tujuan lain pula," katanya.

Beliau berucap pada Majlis Makan Malam Tahunan dan Perasmian Mesyuarat Agung Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Pahang di sini malam ini.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, Yang Dipertua (YDP) DPMM, Datuk Seri Abdul Rahman Maidin dan YDP DPMM Pahang, Tan Sri Abd. Rahim Mohamad.

Sambil mengambil contoh kejayaan yang dicipta oleh ahli perniagaan Arab Saudi, Putera Al-Walid, Najib memberitahu, usahawan Melayu seharusnya bijak menyusun strategi perniagaan dengan idea dan pendekatan baru.

"Saya berasa cukup kagum dengan Putera Al-Walid di mana beliau merupakan seorang ahli perniagaan yang sangat 'bernafsu' terhadap kerjayanya sehingga berjaya menempatkan dirinya antara usahawan yang terkaya di dunia," ujarinya.

Najib turut menegur usahawan Melayu yang hanya hebat berlumba-lumba untuk merebut jawatan penting di dalam dewan perniagaan tetapi tidak pula di dalam dunia perniagaan.

Katanya, jawatan YDP dalam Dewan Perniagaan tidak seharusnya menjadi rebutan sekiranya seseorang usahawan itu benar-benar berjaya mencipta kejayaan dan kekayaan dalam hidupnya.